

Penulis menang anugerah kongsi pengalaman di POPULAR Mega Bookfair Kuching

KUCHING: Pencinta buku di Sarawak, inilah peluang anda. Sebagai lanjutan misi kami untuk memupuk budaya membaca sesama warga Malaysia, POPULAR Mega Bookfair kembali ke CityONE Megamall, Kuching dari 23 Disember 2016 sehingga 2 Januari 2017.

POPULAR Malaysia berbesar hati mengacara sesi perkongsian buku langsung dengan pemenang Readers' Choice Award 2016 Sonia Mael dan Datin Kalsom Taib. Mereka akan berada di pentas utama pada 26 Disember 2016 (Isnin) dari jam 12 tengah hari hingga 1.30 petang di Mega Bookfair Kuching CityONE Megamall.

Bersempena dengan tema 'Love is the Essence of Life' (Cinta adalah Inti Hidup), sertailah Sonia Mael dan Datin Kalsom Taib musim Krismas ini, apabila mereka berkongsi cerita hidup mereka dan menandatangani naskhah buku anda.

Profil Sonia Mael: Sonia Mael adalah nama pena Harison Ahmad, sebagai mengenangkan mendiang suami beliau, Ismail, yang meninggal dunia pada tahun 2007 selepas mendirikan rumah tangga selama 40 tahun. Dilahirkan dan dibesarkan di Alor Setar, Kedah, Sonia melanjutkan pelajaran di University of New England, Australia atas Biasiswa Pelan Colombo, dalam bidang Bahasa Inggeris dan Sejarah.

Beliau kemudian menerima Diploma Pendidikan daripada Universiti Malaya, sebelum berkhidmat sebagai guru di sekurang-kurangnya lapan sekolah selama 18 tahun.

Sonia kerap berpindah



SONIA

dengan arwah suami beliau, yang juga bekas kakitangan kerajaan.

Beliau berhenti mengajar untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan pada umur 45 tahun, sebelum mula menulis untuk mengisi kekosongan diri selepas pemergian arwah suaminya. Menulis adalah kerjaya dan cinta beliau kini dan Sonia bertekad meneruskannya untuk sepanjang hayat beliau.

Novel pertama beliau, 'Don't Forget to Remember', memenangi hadiah pertama dalam kategori fiksi pada Anugerah POPULAR-The Star Readers' Choice Award. Sebahagian daripadanya adalah kenangan manis Sonia semasa menuntut di Australia pada tahun 1960-an.

Novel ini juga telah dicalonkan untuk Dublin Literary Award 2017 (Anugerah Kesusasteraan Dublin 2017). Novel kedua Sonia, 'No Ordinary Love', menerokai hubungan sesama insan, termasuk masalah dan keperluan mereka.

Beliau digelar Barbra Cartland Malaysia, kerana novel beliau biasanya bertemakan



KALSOM

cinta dan hubungan romantik berlatar belakang peristiwa bersejarah, mirip gaya menulis novelis British tersebut. Melalui karyanya, Sonia ingin pembaca novel beliau mengenali budaya asing yang biasanya tidak ditulis dalam bahasa Inggeris. Beliau turut meminati karya Khaled Hosseini dan Jean Sasson, yang membenarkan para pembaca mengenali budaya asing, sambil menerokai cabaran yang dihadapi oleh watak mereka.

Profil Datin Kalsom Taib: Graduan Universiti Malaya, Kalsom Taib pernah mengajar di beberapa sekolah menengah selama lima tahun sebelum menyertai sektor swasta. Dari tahun 1970-an hingga 90-an, beliau kemudian menyertai sektor swasta, dengan berkhidmat dengan beberapa syarikat antarabangsa, termasuk Shell Malaysia, Malaysia Mining Corporation Berhad dan Nestle Malaysia.

Pengalaman tujuh tahun beliau di Nestle Malaysia membenarkan beliau membantu anak sendiri memulakan perniagaan makanan. Beliau adalah penulis tiga

buku, 'Taib Andak: In a Class of His Own'; 'Zainab Ahmad: A Truly Remarkable Woman'; dan 'The Shafee Yahaya Story: Estate Boy to ACA Chief'. Beliau juga adalah penerbit karya Kamaruddin Abdullah, 'Pages from My Past', yang menceritakan hidup di Bandar Maharani, Muar pada dekad 1950-an dan 60-an.

Dengan rakan pena Hamidah Abdul Hamid, karya pemenang anugerah Datin Kalsom Taib adalah 'Johor Palate: Tanjung Puteri Recipes' (versi Bahasa Malaysia: Citarasa Johor: Resipi Tanjung Puteri), yang merupakan kombinasi resipi asli juadah Johor. Ia juga memenangi anugerah 'Best in the World' (Terbaik di Dunia) untuk kategori Juadah Warisan (Culinary Heritage) di World Gourmand Cookbook Awards 2016 yang diadakan di Yantai, Shandong, China.

Kalsom juga adalah usahawan yang berjaya dalam bidang perancangan perkahwinan, hadiah, makanan dan hamper dan fesyen. Sebagai profesional dalam bidang Sumber Manusia, Kalsom memuji suami beliau, Dato' Ibrahim Haji Ismail, selaku inspirasi beliau.

Lawatilah kami di Mega Bookfair CityONE, dari 23 Disember 2016 hingga 2 Januari 2017. Jangan ketinggalan untuk menikmati pelbagai tawaran dan aktiviti menarik untuk anda, musim cuti dan perayaan ini. Untuk maklumat lanjut, layari www.popular.com.my atau lawati laman Facebook POPULAR, atau hubungi Perkhidmatan Pelanggan kami di talian 1 300 88 6336 pada waktu pejabat.

Utusan Borneo 22/12/16